

Hakimi tak patah semangat tidak terpilih Program Podium

Kuala Lumpur: Pemegang rekod Sukan SEA acara lompat kijang, Muhammad Hakimi Ismail tidak patah semangat sekali pun dirinya tidak tersenarai ke Program Podium yang dilancarkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Sebaliknya atlet berusia 25 tahun itu terus fokus untuk mempertingkatkan prestasi diri bagi mendapatkan lompatan melebihi catatan 16.76 meter (m) seperti dilakukannya di Singapura, tahun lalu.

“Kalau dapat masuk ke Program Podium itu memang satu benda yang baik kerana mereka memiliki banyak kelebihan, tapi saya tidak tersenarai. Apa pun ia tidak bermakna akan melemahkan semangat saya.

“Saya akan terus tingkatkan prestasi diri, lakukan yang terbaik dalam sukan olahraga ini, fokus untuk naikkan prestasi dan jika ada peluang satu hari nanti ke Program Podium,” kata penuntut dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu ketika dihubungi, semalam.

97 atlet disenarai

Untuk rekod, seramai 97 atlet dan 36 jurulatih daripada 21 jenis sukan disenaraikan. Antaranya adalah sukan memanah; badminton; berbasikal; terjun; karate; para olahraga; pelayaran; sepak takraw; skuasy dan menembak.

Mengulas lanjut, Muhammad Hakimi berkata tumpuannya kini ke arah memburu ke layakan ke temasya nombor satu dunia, Sukan Olimpik Rio 2016 yang dijadualkan dari 5 hingga 21 Ogos ini.

“Setakat ini catatan terbaik saya hanyalah 16.76m ketika meraih emas di Sukan SEA Singapura dan saya perlu membuat lompatan sejauh 16.85m untuk layak secara merit ke Olimpik.

“Selepas Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT), saya mempunyai Kejohanan Dalam Dewan Asia, Qatar, pada bulan ini dan saya akan buat yang terbaik. Saya lebih suka bertanding ke Olimpik Rio atas tiket merit berbanding wildcard,” katanya. - **Oleh Mohd Khairie Khalid**